

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENGUASA BOMBA

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penguasa Bomba Gred KB9, KB10, KB12, KB13, KB14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas pengurusan am, pentadbiran, pemantauan dan mengawal selia aktiviti-aktiviti yang melibatkan aspek operasi, penguatkuasaan, pencegahan dan keselamatan kebakaran, merangka dan menjalankan program latihan, menguruskan penyelidikan, perancangan dan pembangunan.

4. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

4.1 Penguasa Bomba Gred KB9 dan KB10

4.1.1 Aspek operasi

- a. Memantau dan memastikan operasi pemadaman dan penyelamatan mencapai standard dan prosedur ditetapkan.
- b. Mengawal selia urusan pengurusan khidmat tugas-tugas khas berdasarkan akta.
- c. Menyediakan kajian risiko kebakaran dan kajian Pra-Rancang Kebakaran bagi kawasan jagaan.

4.1.2 Aspek penguatkuasaan

- a. Mengawal selia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan penghapusan bahaya kebakaran dan program tindakan susulan di premis berdasarkan peruntukan akta.
- b. Merangka dan menentukan perintah tutup berdasarkan peruntukan akta.
- c. Menjalankan perintah larangan berdasarkan akta

- d. Menguruskan program pelaksanaan perakuan bomba berdasarkan akta
- e. Merangka program mengkompauun kesalahan-kesalahan.
- f. Menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan.
- g. Melaksanakan kuasa penangkapan tanpa waran jika diwakilkan kuasa oleh Ketua Pengarah.

4.1.3 Aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran

- a. Menjalankan pemprosesan pelan bangunan baru yang dikemukakan kepada jabatan.
- b. Menjalankan pemeriksaan pengesahan keperluan bomba ke atas mana-mana premis yang berkenaan.
- c. Mengawal selia urusan pemprosesan dan menjalankan pemeriksaan bagi permohonan lesen daripada agensi terlibat.
- d. Menjalankan program kempen mencegah kebakaran dan program kebakaran sifar di negeri.

4.1.4 Aspek latihan

- a. Menjalankan program latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai dan anggota.
- b. Melaksanakan program pengembangan latihan kepada pihak awam dan swasta yang menjadi pelanggan jabatan.
- c. Merangka program latihan kemahiran di balai kepada pegawai dan anggota bomba berdasarkan Dasar Latihan di balai.
- d. Menyedia dan menyemak Subjek Latihan Kemahiran di balai dan membuat ubahsuai ke atas mana-mana subjek.

4.1.5 Aspek penyelidikan, perancangan dan pembangunan.

- a. Menguruskan pembinaan balai-balai bomba baru dan rumah kakitangan di seluruh Malaysia selaras dengan pembangunan negara.
- b. Mengurus dan menentukan spesifikasi pembelian kereta-kereta bomba dan alat kelengkapan.

- c. Merancang keperluan dan penempatan alat kelengkapan bagi kegunaan jabatan.

4.2 Penguasa Bomba Gred KB12

Bertanggungjawab dalam mengawal, mengurus kewangan dan personel, perancangan aspek operasi, penguatkuasaan, pencegahan dan keselamatan kebakaran, merancang keperluan penyelidikan, pembangunan kebombaan, keperluan latihan pegawai dan lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

4.2.1 Aspek kewangan dan personel

- a. Mengawal dan mengurus perbelanjaan mengurus tahunan bahagian.
- b. Menyediakan belanjawan mengurus tahunan.
- c. Menjadi penilai bagi pergerakan gaji tahunan kakitangan.
- d. Mengurus hal ehwal urusan perkhidmatan dan kursus kakitangan.
- e. Mengurus pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) di peringkat bahagian.

4.2.2 Aspek operasi

- a. Merancang pengurusan operasi dan balai bomba.
- b. Merancang strategi penyelamatan dalam apa-apa bencana.
- c. Menghadiri kebakaran besar serta bencana dan bertindak sebagai komander operasi.
- d. Merancang dan merangka pra-rancangan kebakaran di bangunan.
- e. Memastikan segala rancangan program operasi yang telah dirangka dilaksanakan.
- f. Merancang program *fire drill* di bangunan.

4.2.3 Aspek penguatkuasaan

- a. Merancang pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.

- b. Merancang pelaksanaan perakuan bomba di premis ditetapkan.
- c. Merancang prosedur untuk menjalankan aktiviti siasatan terhadap kesalahan.
- d. Merancang prosedur bagi menjalankan pendakwaan kesalahan.
- e. Merancang pelaksanaan penyiasatan kebakaran.

4.2.4 Aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran

- a. Merancang pelaksanaan pengkajian pelan dan pemeriksaan bangunan bagi tujuan surat mendapat sokongan menduduki bangunan (CF) berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- b. Merancang pelaksanaan pelesenan penggunaan premis bagi tujuan perniagaan.
- c. Merangka standard-standard yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi pembinaan sesuatu bangunan.

4.2.5 Aspek penyelidikan, perancangan dan pembangunan

- a. Merancang pembinaan balai-balai bomba baru dan rumah kakitangan di seluruh Malaysia selaras dengan pembangunan negara.
- b. Menyediakan pelan-pelan induk bagi pelbagai jenis balai bomba, rumah kediaman dan kemudahan lain.
- c. Merancang keperluan dan penempatan alat kelengkapan bagi kegunaan jabatan.
- d. Menggubal piawaian dan kod-kod amali bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan keselamatan kebakaran, kebombaan, alat kelengkapan, reka bentuk bangunan dan lain-lain.

4.2.6 Aspek latihan

- a. Merancang latihan kakitangan sama ada dalam bidang pengurusan dan teknikal.
- b. Memastikan semua anggota mempunyai tahap kemahiran yang tinggi.

- c. Menguruskan program latihan pegawai dalam negara atau luar negara.
- d. Merancang keperluan latihan mengenai kemajuan-kemajuan teknikal kebombaan sejajar dengan kehendak-kehendak semasa.

4.3 Penguasa Bomba Gred KB13 dan KB14

Bertanggungjawab dalam mengawal, mengurus kewangan dan personel, merancang dan merangka polisi berkaitan operasi, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, pencegahan dan keselamatan kebakaran, merancang keperluan penyelidikan dan pembangunan kebombaan serta keperluan latihan pegawai dan lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa

4.3.1 Aspek kewangan dan personel

- a. Mengawal dan mengurus perbelanjaan mengurus tahunan bahagian atau negeri.
- b. Menyediakan belanjawan mengurus tahunan.
- c. Menjadi penilai bagi pergerakan gaji tahunan kakitangan.
- d. Mengurus hal ehwal urusan perkhidmatan dan kursus kakitangan.
- e. Mengurus pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) di peringkat bahagian atau negeri.

4.3.2 Aspek operasi

- a. Merancang dan merangka polisi/ dasar berkaitan dengan pengurusan operasi serta pengurusan penyelamatan dalam apa-apa bencana.
- b. Bertindak sebagai komander operasi apabila berlaku kebakaran besar serta bencana.
- c. Merancang dan merangka polisi/ dasar berkaitan dengan pengurusan balai serta kajian kawasan dan analisa strategi.
- d. Memastikan segala rancangan program operasi yang telah dirangka dilaksanakan.

- e. Merancang, mengkaji senarai tugas, spesifikasi tugas serta program operasi.

4.3.3 Aspek penguatkuasaan

- a. Merancang pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.
- b. Mengurus penggubalan draf undang-undang, peraturan-peraturan dan perintah.
- c. Memberi khidmat nasihat tentang perundangan-perundangan dan peraturan-peraturan.
- d. Merancang dan merangka dasar/ prosedur untuk menjalankan aktiviti siasatan terhadap kesalahan serta aktiviti penyiasatan kepakaran.
- e. Merancang dan merangka/ prosedur bagi menjalankan pendakwaan kesalahan.
- f. Merancang dan merangka dasar pelaksanaan perakuan bomba ke atas premis ditetapkan.

4.3.4 Aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran

- a. Merancang dan merangka polisi dan dasar berkaitan dengan pengurusan program pencegahan dan keselamatan
- b. Merancang pelaksanaan Pengkajian Pelan dan Pemeriksaan Bangunan bagi tujuan mendapat surat sokongan menduduki bangunan (CFO).
- c. Merancang pelaksanaan pelesenan penggunaan premis bagi tujuan perniagaan.
- d. Merancang dan merangka standard-standard yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi pembinaan sesuatu bangunan.

4.3.5 Aspek penyelidikan, perancangan dan pembangunan

- a. Merancang pembinaan balai-balai bomba baru dan rumah kakitangan di seluruh Malaysia selaras dengan pembangunan negara.
- b. Menyediakan pelan-pelan induk bagi pelbagai jenis balai bomba, rumah kediaman dan kemudahan lain.

- c. Merancang keperluan dan penempatan alat kelengkapan bagi kegunaan jabatan.
- d. Merancang dan mengurus penggubalan piawaian dan kod-kod amali bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan keselamatan kebakaran, kebombaan, alat kelengkapan, reka bentuk bangunan dan lain-lain.

4.3.6 Menguruskan aspek latihan

- a. Merancang dan merangka polisi dan latihan kepada kakitangan jabatan berdasarkan peruntukan skim perkhidmatan, keperluan kebombaan dan keperluan yang ditentukan oleh Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- b. Merancang dan merangka polisi dan dasar keperluan tenaga manusia jabatan agar mencapai matlamat jabatan.
- c. Merancang keperluan latihan mengenai kemajuan-kemajuan teknikal kebombaan sejajar dengan kehendak-kehendak semasa.
- d. Merancang, mengkaji senarai tugas, spesifikasi tugas dan program latihan dan penempatan kakitangan di bawah program latihan dan perancangan tenaga manusia.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ unit/ balai.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Golongan profesional.
- c. Pemilik bangunan.
- d. Penghuni bangunan.
- e. Pengurusan bangunan.

- f. Jabatan/ agensi kerajaan.
- g. Syarikat swasta.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penguasa Bomba dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Rasuah.
- b. Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti api, terhidu asap/ gas.

Sumber : Lampiran D, D1, D2, D3, D4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005.